

13/10/1997

Kontrak RM5.6b: Australia sengaja cari cacat cela

Ebi Azly Abdullah

DAKWAAN Australia bahawa Malaysia menolak tawaran tender Transfield Defence Systems (TDS) bagi kontrak pembinaan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bermotifkan politik, mencerminkan sikap negara itu yang sengaja mencari cacat cela dalam perhubungan dengan negara ini.

Sama ada benar atau tidak Malaysia sudah membuat keputusan mengenai pemberian kontrak RM5.6 bilion, Australia tidak berhak mempersoalkan sebarang keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan negara.

Kontroversi itu bermula Jumaat lalu apabila TDS yang berpejabat di Melbourne, dikatakan menerima surat yang menyatakan tender syarikat itu diketepikan dan sebuah syarikat Jerman dipilih untuk melaksanakan projek terbabit.

Kontrak yang dimaksudkan itu ialah untuk membina 27 kapal peronda pesisir pantai (OPV) TLDM, selaras program pemodenannya yang kini mengalami sedikit kelewatan - salah satunya pemilihan rakan utama untuk Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB).

Ia akan dilaksanakan oleh Naval Dockyard Sdn Bhd (NDSB) di Lumut sebagai kontraktor utamanya dalam tempoh 15 tahun. Selain TDS, antara syarikat luar yang berminat untuk mendapatkan projek itu ialah Bremer Vulkan (Germany), Asmar Shipbuilding and Docking (Chile), Danyard (Denmark), Vosper Thornycroft (Britain) dan Ericson Microwave System AB (Sweden).

TDS seterusnya mengeluarkan kenyataan akhbar dengan mendakwa syarikat itu tidak menerima sebarang penjelasan daripada Malaysia mengenai sebab ia digugurkan daripada senarai terbabit.

Ini disusuli kenyataan Timbalan Perdana Menteri Australia, Tim Fischer yang berkata beliau akan mendapatkan penjelasan daripada Malaysia mengenai isu itu, selain menjelaskan bahawa beliau bimbang keputusan itu bermotifkan politik.

Menurut Fischer, kekalahan TDS adalah disebabkan masalah diplomatik di antara kedua-dua negara yang timbul berikutan isu perkataan 'recalcitrant' (keras kepala) yang disebut oleh bekas Perdana Menteri Australia, Paul Keating terhadap Datuk seri Dr Mahathir Mohamad, empat tahun lalu.

"Kita tidak akan mengetahui sama ada perkataan 'recalcitrant' sekali gus menghancurkan tawaran profesional TDS, sehingga menyebabkan ia tidak diberi pertimbangan sewajarnya di akhir pemilihan tender itu," katanya.

Fischer yang juga Menteri Perdagangan Australia, berkata beliau akan membawa isu itu kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz ketika melawat Malaysia minggu ini.

Dakwaan Fischer itu mengecewakan Dr Mahathir, yang menyifatkannya kegagalan Australia mendapat tender itu tidak ada kaitan langsung dengan krisis diplomatik yang ditimbulkan oleh Keating.

"Kita berasa sedih dengan tuduhan ini. Takkan kita tiada hak langsung untuk membuat pilihan... apabila Malaysia tidak mahu berikan kepada mereka, diungkitkannya hal itu dengan pasal balas dendam," kata Perdana Menteri.

Projek OPV TLDM adalah program ketenteraan yang terbesar bukan saja di Malaysia malah di rantau ini, dan mana-mana syarikat di dunia yang berjaya memperolehnya sudah tentu akan mengaut keuntungan yang besar serta mewujudkan pekerjaan yang banyak - dan bagi negara terbabit, kuasa politik yang tidak terhingga.

Berdasarkan fakta itu, tidak hairanlah mengapa Australia amat kecewa dengan 'keputusan' Malaysia dan mahu mengetahui dengan terperinci punca

utama TDS diketepikan.

Pihak pembangkang Parti Buruh yang dahulunya memimpin Australia dengan Keating, menganggap dakwaan Fischer sebagai langkah kerajaan pimpinan John Howard menutup kegagalan janji pilihan raya lalu - untuk mewujudkan hubungan diplomatik yang lebih erat dengan Malaysia.

Bagaimanapun, misteri pelaksanaan projek OPV masih belum terjawab. Adakah ia akan tetap diteruskan atau menjadi salah satu mangsa isu kejatuhan mata wang negara baru-baru ini?

(END)